# Manfaatkan data bolehkan kerajaan buat keputusan cepat, tepat

| | 17 November 2021



Tan Sri Mohd Zuki Ali.

PUTRAJAYA - Memanfaatkan data daripada pelbagai sumber akan membolehkan kerajaan mendapat nilai, pemahaman mendalam dan bermakna serta membuat keputusan dengan cepat dan tepat, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Beliau berkata, ia bertepatan dengan teras pertama Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 yang menetapkan Pemanfaatan Kepintaran Data bagi mengurus data sebagai aset kerajaan.

Beliau berkata, teras itu juga menyokong inisiatif MyDIGITAL dan Dasar 4IR Malaysia dari aspek penggubalan dasar perkhidmatan digital yang dipacu data, hasil daripada analisis data dan kecerdasan buatan dalam meningkatkan keberkesanan penawaran perkhidmatan kepada rakyat.

"Selaras dengan perkembangan semasa sekarang, kita semua harus mengakui bahawa data adalah aset yang paling berharga yang boleh digunakan bagi menghasilkan pelbagai inovasi serta produk yang boleh dimanfaatkan semua pihak.






"Ungkapan 'data is the new soil' sering kali kita dengar apabila bercakap tentang inovasi iaitu dengan bermulanya ekonomi digital, data telah menjadi ramuan utama untuk penghasilan inovasi dan merupakan agen utama bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dalam ekonomi digital," katanya.

Mohd Zuki berkata demikian ketika berucap pada majlis pengumuman pemenang Challenge on Innovation and Problem solving through Technology Advancement (CHIPTA) 2021 yang diadakan secara maya pada Rabu.

PSPSA 2021-2025 menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan.

Mohd Zuki berkata, penguasaan teknologi digital merupakan kunci untuk negara mengatasi batasan produktiviti sekali gus menaik taraf ekonomi Malaysia.